



## FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN 2004

**Baru-baru** ini KUKUM sekali lagi telah berjaya menganjurkan pertandingan di peringkat nasional melalui Festival Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan 2004 yang telah diadakan pada 16 September 2004 yang lalu. Tuanku Canselor KUKUM, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis telah berkenan mencemar Duli berangkat ke Festival Nasyid yang julung-julung kali dianjurkan oleh KUKUM. Diantara tetamu yang hadir ialah Y. Bhg. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Tn. Hj. Abu Hassan Salleh, Rektor KUKUM, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM. Disamping itu lebih 500 orang hadirin yang terdiri dari masyarakat setempat, kakitangan serta pelajar KUKUM telah bersama-sama memeriahkan lagi festival nasyid pada malam tersebut.

Sebanyak 8 kumpulan nasyid yang mewakili 7 IPTA seluruh Malaysia bertanding pada festival tersebut. Festival Nasyid IPTA 2004 ini adalah sebahagian dari aktiviti Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat KUKUM 2004. Diantara universiti yang mengambil bahagian ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia dan tuan rumah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia yang mempertaruhkan dua kumpulan nasyid. Festival kali ini memberi peluang kepada peserta untuk memilih sama ada mereka ingin mempersembahkan lagu nasyid yang bercorak tradisional mahupun nasyid kontemporari. Panel hakim adalah terdiri daripada mereka yang arif di dalam bidang masing-masing dan diketuai oleh En. Fauzi Marzuki, komposer terkenal tanahair; Y. Bhg. Ustaz Hj. Abdullah Yusoff, bekas Qari Malaysia di Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa; En. Ahmad Fadhi Bakar, Timbalan Presiden Persatuan Penggiat Industri Nasyid Malaysia (PPIN) serta Tn. Hj. Abdul Shukor Shamsuddin selaku juruaudit.

Kumpulan Nasyid Feat 3 dari Universiti Teknologi MARA telah berjaya menggondol tempat pertama dan sekaligus berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM1000, piala pusingan dan sijil penyertaan. Tempat kedua dimenangi oleh Kumpulan Firazat Inzar dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Handasar dari KUKUM. Manakala, Kumpulan Al-Irfan dari Universiti Sains Malaysia telah muncul sebagai pemenang bagi kategori persembahan terbaik. Semua hadiah telah disempurnakan penyampaian oleh Tuanku Canselor KUKUM, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Kumpulan nasyid nombor satu negara iaitu Raihan telah dijemput untuk membuat persembahan dan mereka berjaya menambatkan kehangatan festival nasyid itu dengan persembahan yang bertenaga serta menghiburkan melalui lagu-lagu mereka yang berunsurkan nasihat.

Disediakan oleh :  
**Muhammad Najib Othman**

